

Operasi tunda dipergiat

JOHOR BAHRU - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan menggiatkan operasi penundaan di kawasan sekitar bandar raya ini khususnya zon tunda, bermula 1 April ini.

Kawasan zon tunda itu adalah Jalan Ayer Molek bermula dari persimpangan Jalan Ibrahim Sultan hingga Jalan Gertak Merah dan Jalan Dato' Onn bermula persimpangan Jalan Bukit Timbalan.

Datuk Bandar MBJB, A Rahim Nin berkata, notis makluman awal telah diberikan kepada orang ramai yang meletakkan kenderaan di lokasi berkenaan.

Menurutnya, pemberitahuan itu bertujuan mengingatkan pemilik kenderaan supaya tidak menjadikan bahu jalan sebagai tempat meletakkan kenderaan masing-masing.

"Ia berikutan aduan mengenai kesesakan yang berlaku akibat sikap orang ramai yang meletakkan kenderaan di kiri dan kanan bahu jalan sehingga menyukarkan pergerakan kenderaan lain terutama pada waktu pagi.

"Maka bermula 1 April ini, tindakan kompaun dan tunda di bawah Undang-Undang Kecil 6(i)(g) Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 dan Pindaan 2004 akan diambil kepada mereka yang gagal mematuhi arahan ini," katanya, semalam.

A Rahim berkata, MBJB tidak menafikan terdapat kekangan dari segi bilangan tempat letak kereta yang terhad di kawasan terlibat.

Bagaimanapun katanya, sebagai alternatif orang ramai boleh menggunakan kawasan tempat letak kereta di bangunan Lot 1 JB Waterfront.

"Begitu juga dengan pengunjung di Bazar Karat, mereka dinasihatkan meletakkan kenderaan di bangunan berkenaan.

"MBJB juga menyediakan bas untuk mengangkut orang ramai bermula jam 6 petang hingga 10 malam," katanya.

“Maka bermula 1 April ini, tindakan kompaun dan tunda di bawah Undang-Undang Kecil 6(i)(g) Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 dan Pindaan 2004 akan diambil kepada mereka yang gagal mematuhi arahan ini.” - A Rahim

Selain itu katanya, operasi tunda akan dipergiatkan selepas penambahan lima lagi unit trak tunda MBJB.

"Mengikut laporan daripada tundaan kenderaan bagi 2015, sebanyak 472 kereta telah ditunda atas kesalahan halangan.

"Manakala sehingga Mac lalu, 291 unit kereta ditunda atas kesalahan sama. Saya percaya peningkatan kes tundaan akan meningkat dari semasa ke semasa jika sikap orang ramai yang suka ambil mudah dalam meletakkan kenderaan masing-masing," katanya.

A Rahim turut percaya kaedah pemberitahuan melalui isyarat papan tanda tidak diendahkan umum, dan operasi itu mampu memberi pendidikan kepada orang ramai yang ingkar.

Bercakap kepada pemberita pada sidang media, beliau berkata, MBJB komited menangani masalah kesesakan di kawasan pentadbirannya termasuklah Ibrahim International Business District (IIBD).

"Ini adalah respons kita daripada tekanan diberikan masyarakat terhadap MBJB. Ramai bertanya apa tindakan yang mahu diambil MBJB dalam menyelesaikan masalah kesesakan.

"Kita sudah melantik konsultan untuk mengkaji perkara ini, bagi mencari penyelesaian. Kajian sedang dilakukan dan dijangka siap April ini," katanya.

Parkir percuma di kawasan MBJB

Beri laluan pelaksanaan sistem baharu bermula Mei ini

■ MOHD FIRDAUS YON

JOHORBAHRU - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) tidak akan mengenakan sistem meletakkan kenderaan ber kupon sedia ada, dalam tempoh sebulan bermula 1 hingga 30 April ini.

Datuk Bandarnya, A Rahim Nin berkata, ia bertujuan memberi laluan kepada pelaksanaan sistem baharu meletakkan kenderaan di kawasan pentadbiran MBJB yang lebih cekap, mesra pengguna dan menggunakan kemudahan teknologi semasa.

"Melalui pelantikan konsesi yang mengendalikan sistem tersebut, pihak majlis akan menyediakan kaedah pembelian



A RAHIM

bayaran parkir menerusi sistem 'aplikasi parking mobil' yang cepat dan cekap tanpa memerlukan kupon.

"Pihak konsesi akan menyediakan sebuah laman sawang untuk pembelian bayaran letak kereta, sema-

kan dan bayaran kompaun melalui atas talian," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Penuh MBJB (Mac) di sini, semalam.

Beliau berkata, sistem baharu yang dijangka bermula Mei ini, akan turut membolehkan orang ramai menggunakan kupon gores bercirikan keselamatan lebih tinggi.

"Makluman dan hebahan berhubung penggunaan sistem itu akan dijalankan dengan giat bagi memastikan orang ramai tahu mengenai sistem meletakkan kenderaan di bandar raya ini," katanya.

Tambahnya, pusat khidmat layanan panggilan untuk orang ramai juga akan diwujudkan.